

14/06/2003

Malaysia model Turki bangun ekonomi

PUTRAJAYA: Turki yang kagum dengan pencapaian Malaysia, terutama membangunkan ekonominya selepas krisis ekonomi 1997/98 mahu menjadikan pengalaman negara ini sebagai model merencana pembangunan negara itu.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata Ankara juga berharap keakraban hubungan dengan Malaysia dapat digunakan sebagai landasan meningkatkan jalinan dengan anggota Asean lain dalam pelbagai bidang.

"Turki mahu menggunakan pengalaman ekonomi Malaysia sebagai model untuk negara itu," katanya pada sidang akhbar selepas pertemuan tertutup Perdana Menteri Datuk, Seri Dr Mahathir Mohamad dengan Perdana Menteri Turki, Recep Tayyip Erdogan dan mesyuarat peringkat delegasi kedua-dua negara, di sini semalam.

Erdogan yang dalam rangka lawatan tiga hari membawa bersama tiga menteri kabinet, sembilan ahli parlimen dan 107 ahli perniagaan.

Dalam mesyuarat peringkat delegasi yang berlangsung selama dua jam, Malaysia dan Turki menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) kerjasama dua hala sektor tenaga dan air.

Malaysia diwakili Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S Samy Vellu, manakala Turki oleh Menteri Kerja Raya dan Pengangkutannya, Binali Yildirim.

Mengulas lanjut, Syed Hamid berkata, perbincangan dalam suasana sangat mesra itu merangkumi pelbagai perkara membabitkan hubungan dua hala, ekonomi, perdagangan dan antarabangsa.

Kedua-dua pemimpin mengaku kepentingan hubungan dua hala dan berharap dapat meningkatkan kerjasama bidang pelaburan dan ekonomi.

"Erdogan memberi jaminan untuk membuka pasarannya kepada pelabur asing di samping menyediakan insentif. Beliau juga berharap pelabur Malaysia dapat menyertai projek penswastaan di Turki," katanya.

Hubungan perdagangan antara kedua-dua negara ketika ini bernilai RM200 juta dan Malaysia serta Turki yakin ia dapat ditingkatkan sejajar hubungan baik sedia ada.

Bagi merapatkan hubungan, Syed Hamid berkata, Turki akan menimbang memulakan semula penerbangan ke Malaysia selepas Sistem Penerbangan Turki menghentikan penerbangan berikutan krisis ekonomi.

"Dr Mahathir meminta Turki menyambung semula penerbangan ke Malaysia dan mereka setuju menimbang mengadakan perkongsian Penerbangan Malaysia (MAS) dengan Penerbangan Turki," katanya sambil menambah ia akan meningkatkan sektor pelancongan.

Malah, Syed Hamid berkata, Ankara mahu meningkatkan pembabitan dalam

Pergerakan Negara Berkecuali sebagai pemerhati.

Dalam soal antarabangsa, Syed Hamid berkata, kedua-dua pemimpin membincangkan perkembangan di Timur Tengah, pelan damai Palestin-Israel serta perkembangan di Iraq.

Beliau berkata, Malaysia dan Turki menyokong sebarang usaha ke arah mencapai kedamaian di rantau itu tetapi dengan syarat ia perlu disokong rakyat Palestin.

"Edrogon menyatakan keyakinannya proses rundingan damai berkenaan tetapi mahu Amerika Syarikat komited dalam usaha itu. Bagi Malaysia, Dr Mahathir menyatakan yang kita sentiasa menyokong sebarang usaha damai dengan syarat mesti didukung rakyat Palestin," katanya.